

Piagam Pelanggan

DI CIMB ISLAMIC BANK BERHAD 200401032872 (671380-H) DAN CIMB BANK BERHAD 197201001799 (13491-P), KAMI BERAZAM UNTUK MEMASTIKAN BAHAWA PRODUK DAN PERKHIDMATAN BizChannel@CIMB YANG DISEDIAKAN KEPADA PELANGGAN KAMI DI LAMAN WEB www.cimb.com.my/en/business/digital-banking/bizchannel-cimb.html ADALAH BOLEH DIPERCAYAI DAN BERKESAN MENGIKUT PIAGAM PELANGGAN KAMI SEPERTI YANG TERKANDUNG DI BAWAH INI.

Produk dan perkhidmatan BizChannel@CIMB disediakan kepada pelanggan mengikut Terma & Syarat Perbankan Internet BizChannel@CIMB yang mengawal akses dan penggunaan laman web "BizChannel@CIMB". Salinan Terma dan Syarat Lngganan dan Akses ke BizChannel@CIMB boleh diakses di www.cimb.com.my/en/business/digital-banking/bizchannel-cimb.html.

1. Memastikan Keselamatan dan Kebolehpercayaan Operasi

Kami akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kami atau vendor pihak ketiga kami boleh diharapkan, boleh dipercayai dan selamat. Sistem komputer dan rangkaian kami akan menggunakan akses dan protokol pengesahan mewah serta menggunakan firewalls di titik strategik untuk melindungi, memastikan, dan menjaga integriti dan privasi transaksi anda

2. Menjaga Privasi Maklumat Anda

Kami mengakui kepentingan kepercayaan awam terhadap produk dan perkhidmatan kami. Adalah menjadi dasar kami untuk menghormati, mengekalkan, melindungi, dan menjaga privasi maklumat peribadi, syarikat, perbankan, dan kewangan anda, serta sebarang maklumat lain yang berkaitan atau berhubungan dengan maklumat yang telah anda dedahkan, kongsi, tukar, atau berikan kepada kami melalui www.cimb.com.my/en/business/digital-banking/bizchannel-cimb.html ("Maklumat").

Selaras dengan matlamat kami di atas, kami telah menetapkan prinsip-prinsip tertentu yang mengawal selia privasi Maklumat anda, yang kesemuanya dinyatakan dan dihuraikan dalam POLISI PRIVASI kami, yang boleh dibaca di www.cimbbank.com.my

3. Menyediakan Perkhidmatan yang Boleh Dipercayai dan Berkualiti

Demi memastikan pelanggan hanya menerima perkhidmatan yang boleh dipercayai dan berkualiti tinggi, kami menggunakan perkakasan, peralatan dan perisian yang teguh dan hanya melibatkan kakitangan yang berkecukupan dan terlatih. Kami memastikan bahawa metodologi perniagaan kami mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa termasuk Bank Negara Malaysia.

4. Ketelusan Produk dan Perkhidmatan

Kami akan bersikap telus dalam urusan kami dengan pelanggan dan tidak akan terlibat dalam tindakan yang memperdaya, menipu, atau mengelirukan. Kami akan berusaha untuk memastikan bahawa setiap representasi, kenyataan, dan jaminan dari kami adalah tepat dan benar.

Kami akan mendedahkan sepenuhnya semua terma dan syarat yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan

5. Menyediakan Maklum Balas dan Tindakan Segera untuk Pertanyaan dan Aduan Pelanggan

Keselesaan dan kepuasan pelanggan adalah amat penting, dan kami mengalu-alukan cadangan, komen, maklum balas, pertanyaan, atau aduan yang mungkin anda miliki berkenaan dengan produk atau perkhidmatan kami. Kami akan memastikan langkah-langkah yang sewajarnya diambil untuk menyelesaikan aduan anda dengan segera. Kami mengalu-alukan pertanyaan dan maklum balas anda yang kami lihat sebagai peluang untuk kami memahami dan menguruskan keperluan anda dengan lebih baik.

Pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan Perniagaan kami di:-

Pusat Panggilan Perniagaan CIMB

Pengurusan Tunai (Cash Management),
Transaction Banking Malaysia,
CIMB Islamic Bank Berhad/CIMB Bank Berhad

Tel: 1300 888 828 (Tempatan) or +603 2297 3000 (Luar Negara)

Emel: mybusinesscare@cimb.com

Komitmen kami kepada pelanggan tercipta daripada falsafah kami untuk memberikan lebih daripada penyelesaian dan kami berharap dapat merealisasikan harapan anda

dengan menggunakan kepakaran profesional dan teknologi bertaraf dunia untuk memenuhi keperluan perbankan anda

Hak Cipta 2023

CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H) dan CIMB Bank Berhad (13491-P)